

8/12/2023

590,000 PENGGUNA P.PINANG AKAN ALAMI GANGGUAN BEKALAN AIR JANUARI DEPAN



GEORGE TOWN, 8 Dis (Bernama) -- Kira-kira 590,000 pengguna di seluruh Pulau Pinang akan mengalami gangguan bekalan air atau tekanan air rendah secara berjadual selama empat hari bermula 10 Jan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Pulau Pinang Zairil Khir Johari berkata gangguan itu berikutan kerja-kerja pembaikan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melibatkan penggantian dua injap pada saluran paip air terawat utama dalam dan berhampiran pagar LRA yang bocor.

“Gangguan ini tidak dapat dielakkan kerana membabitkan penyelenggaraan berskala besar. Ini berikutan ada di antara injap yang rosak dan bocor ini sudah 50 tahun tidak diganti.

“Kerja pembaikan satu daripada injap ini sepatutnya dilakukan akhir tahun lepas tetapi telah ditangguhkan, jadi kali ini tidak boleh tangguh lagi kerana dikhuatiri akan menimbulkan risiko kerosakan mengejut sekali gus menimbulkan masalah lebih serius termasuk kepada pengguna dalam jangka masa panjang,” katanya pada sidang media di sini hari ini yang turut Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP K.Pathmanathan.

Selain penggantian injap, pelbagai kerja sampingan lain juga akan dibuat di 22 lokasi di seluruh negeri dalam tempoh tersebut.

Zairil berkata injap bocor itu telah menjelaskan operasi mengepam air terawat di LRA hingga menyebabkan Pulau Pinang mengalami kadar Air Tidak Terhasil (NRW) sebanyak 26.3 peratus setahun.

Beliau berkata kerja membaiki dijangka mengambil masa 24 jam dan pengguna akan menerima bekalan air secara berperingkat antara tempoh 48 hingga 96 jam.

“Sebab itu kita bagi notis awal dan bagi mereka yang ada tangki simpanan diharap dapat menggunakan air secara optimum sementara bekalan air dipulihkan sepenuhnya,” katanya.

Zairil berkata mesyuarat Kerajaan Negeri semalam turut bersetuju untuk menghantar lori tangki air ke kawasan yang terjejas terutamanya hospital dan pusat dialisis dalam tempoh gangguan itu.

“Selain tangki air daripada PBAPP, kita juga bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bomba serta bomba sukarela untuk menghantar lori tangki ke kawasan terjejas,” katanya.

Lebih 50 kawasan di Seberang Perai dan hampir keseluruhan kawasan di bahagian pulau dijadual mengalami gangguan bekalan air termasuk George Town, Pulau Tikus, Jelutong, Gelugor, Bukit Jambul, Relau, Bayan Lepas termasuk lapangan terbang, Bayan Baru, Batu Maung, Teluk Kumbar, Teluk Tempoyak, Pulau Jerejak dan Pulau Betong.

Bagaimanapun, bagi kawasan Air Itam, Tanjung Bungah, Batu Ferringhi dan Teluk Bahang tidak terjejas susulan kawasan ini mendapat bekalan air daripada Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.